

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 19 JUN 2014
SOALAN :**

YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah graduan perubatan yang tidak menghabiskan praktikal untuk menjadi doktor dan apakah puncanya. Adakah kerana tekanan yang keterlaluan sehingga tidak membentuk suasana yang kondusif untuk meneruskan latihan untuk menjadi doktor bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 April 2014, terdapat 9,759 orang doktor pelatih di seluruh Malaysia yang sedang menjalani latihan siswazah di mana seramai 9,318 orang doktor pelatih telah ditempatkan di 39 buah Hospital Latihan Siswazah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) manakala 441 doktor pelatih telah ditempatkan di 3 buah Hospital Universiti di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Secara amnya, seorang doktor pakar boleh menyelia 5 orang doktor pelatih dan penyeliaan adalah turut dibantu oleh pegawai perubatan *senior*. Sehingga 31 Januari 2014, terdapat 3,844 orang doktor pakar di Hospital-hospital KKM. Adalah dianggarkan bahawa jumlah doktor pakar di Hospital-hospital Universiti adalah seramai 1,400 orang.

KKM sentiasa mengemas kini dan memantau Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) supaya dapat melahirkan tenaga doktor yang menepati kualiti yang ditetapkan. Mengikut perangkaan oleh Majlis Perubatan Malaysia, 95 peratus daripada PPS yang berada di posting ke lima telah berjaya menjalankan latihan dan diberi Perakuan Pendaftaran Penuh. Antara faktor penyebab Doktor Pelatih tidak berjaya melengkapkan latihan mereka adalah kerana pengambilan cuti yang panjang atas pelbagai sebab, ketidakhadiran tanpa cuti yang berkelulusan, tempoh latihan dilanjutkan atas pelbagai sebab dan sebagainya.